



Pelaburan 'Lain' Yang Perlu Anda Buat Selain D daripada Pelaburan Kewangan



Piramid Kewangan Memudahkan Pengurusan Kewangan Anda



Pelanggaran Data Peribadi Menerusi Pembelian Dalam Talian



## Skim Penipuan Memanipulasi Mangsa



# Skim Penipuan Memanipulasi Mangsa

**S**kim cepat kaya sudah mengambil tempat dalam kehidupan semenjak sekian lama. Walaupun telah banyak kali skim ini ditumpaskan dan didedahkan 'perniagaan' mereka, tetapi masih ada lagi yang beroperasi serta mencari mangsa baru.

Satu cara bagaimana skim ini menarik mangsa baru ialah dengan memanipulasi pemikiran mangsa mereka. Cara penipuan sebegini telah lama digunakan dan dipraktikkan oleh mereka yang suka mengambil kesempatan di atas orang lain.

Dari zaman skim Pak Man Telo sehinggalah kepada *Mecca Fund*, masih ramai yang terpedaya dengan skim cepat kaya. Persoalannya, walaupun mereka telah didedahkan mengenai skim cepat kaya, masih ramai yang menjadi mangsa. Mengapa begitu?

Berikut adalah beberapa punca yang menyebabkan ramai orang menjadi mangsa penipuan.

## 1. Kesan *Halo*

Kesan *Halo* ialah kecelaruan proses pemikiran yang berlaku kepada seseorang apabila dirinya berasa kagum dan terpengaruh dengan watak yang ditampilkan oleh orang lain. *Halo* ialah lingkaran berbentuk bulatan bercahaya di atas kepala seseorang, seperti gambaran malaikat yang diimajinasikan oleh sesetengah orang Barat.

*Halo* sering dikaitkan dengan orang yang dianggap sebagai berperwatakan agama, hero, pejuang, dan sebagainya. Dalam modus operandi skim cepat kaya, penganjur skim akan cuba mempengaruhi orang ramai dengan berperwatakan kemas, tampil bergaya, dan memakai barangan berjenama.



*"Dia pakai kereta mahal, mesti sebab skim ini berjaya."*

*"Cakap tidak tengok orang. Takkan tok lebih hendak menipu pula."*

*"Dia ada gelaran Dato' dari Sultan Melaka. PhD dia dari Universiti Gordon. Bukan calang-calang orang ini."*

Orang yang terkena kesan *Halo* akan menganggap pemilik skim ini orang yang boleh dipercayai berdasarkan penampilan luaran mereka.

## 2. Bias Konfirmasi

Bias konfirmasi ialah penerimaan maklumat yang bersifat berat sebelah dan hanya menyokong apa yang seseorang itu mahu percaya. Segala bukti yang berlawanan dengan kepercayaan yang sudah tertanam akan diketepikan begitu saja.

*"Jangan dengar cakap orang yang tidak menyertai kerana mereka tidak faham tentang skim ini."*

*"Penganjur akan beri maklumat bila bayaran akan diberikan, jangan percaya khabar-khabar angin bahawa skim ini bermasalah."*

*"Selama ini lancar sahaja pembayaran dilakukan. Apalah salahnya tertangguh sekadar sebulan dua."*

# Sidang Redaksi

## Penasihat

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason  
Presiden FOMCA

## Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

## Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

## Sidang Pengarang

Siti Rahayu binti Zakaria  
Mandeep Singh  
Shabana Naseer Ahmad

*Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my) dan [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)*

## Gabungan Persatuan-Persatuan

### Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A  
47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-7876 2009  
Faks : 03-7873 0636

E-mel : [fomca@fomca.org.my](mailto:fomca@fomca.org.my)  
Sesawang : [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

### Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2698 8044  
Faks : 03-2174 1515

### Diurus terbit oleh:

### Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 24, Jalan SS1/22A  
47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-7875 2392  
Faks : 03-7875 5468

E-mel : [info@crcc.org.my](mailto:info@crcc.org.my)  
Sesawang : [www.crcc.org.my](http://www.crcc.org.my)

### Dicetak oleh:

فوجيتيكن اساس جاي (مليسيا) سندرون برحد

### Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2  
Bandar Puchong Jaya  
47100 Puchong Jaya  
Selangor Darul Ehsan

*Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*



**“Dalam modus operandi skim cepat kaya, penganjur skim akan cuba mempengaruhi orang ramai dengan berperwatakan kemas, tampil bergaya, dan memakai barangan berjenama.”**

Apabila sudah terjerat dengan skim ini, kebanyakan mangsa menolak untuk menerima nasihat orang lain yang cuba menasihati mereka tentang bahaya skim tersebut.

Sebaliknya mereka bermati-matian percaya kepada apa yang diberitahu oleh penganjur skim dan mengabaikan bukti-bukti nyata tentang keburukan skim tersebut.

## 3. Sindrom Penafian

Sindrom penafian ini juga berkaitan dengan bias konfirmasi. Antara kisah yang sering dikaitkan dengan sindrom penafian ini ialah kisah seekor katak yang dibiarkan terendam dalam bekas berisi air.

Pada mulanya bekas itu sejuk dan katak itu tidak melompat keluar. Kemudian bekas itu dipanaskan perlahan-lahan dan air semakin hangat. Namun katak itu tidak melompat keluar kerana ia masih yakin air tetap sejuk. Akhirnya katak itu mati kepanasan di dalam bekas air itu.

Inilah yang berlaku kepada mangsa skim cepat kaya ini. Apabila orang mula mempersoalkan tentang skim yang mereka sertai, para mangsa menafikan bahawa skim itu ialah skim cepat kaya.

*“Bulan ini lambat sedikit dapat dividen sebab ramai sangat yang masuk skim ini.”*

*“Ada laporan polis terhadap skim ini kerana ramai yang dengki dengan kejayaannya.”*

*“Skim ini hanya tersenarai dalam senarai yang diawasi oleh Bank Negara. Bukannya bermakna ini skim tipu.”*

Mereka akan cuba menafikan segala kepincangan yang berlaku kepada skim dengan pelbagai alasan. Apabila akhirnya skim itu benar-benar terkubur, mereka masih tidak insaf, malah menyertai skim penipuan yang lain pula.

## 4. Memanipulasi Emosi

Penganjur memanipulasi emosi mangsa dengan menjadikan seolah-olah skim ini satu peluang keemasan yang tidak patut dilepaskan.

*"Lebih banyak yang dilaburkan, lebih banyak untung."*

*"Tawaran terhad hanya kepada 100 orang terawal sahaja. Selepas itu harga akan dinaikkan."*

*"Ini skim yang halal dan Islamik, bukan macam skim-skim lain."*

Ini menyebabkan mangsa tidak sempat berfikir panjang lalu terburu-buru melaburkan wangnya.



## 5. Penetapan *Phantom*

Penetapan *Phantom* ialah taktik yang digunakan oleh skim cepat kaya dengan menjanjikan keuntungan yang tertentu kepada orang yang menyertai skim mereka.

*Phantom* bermaksud khayalan dalam benak fikiran, keuntungan yang digambarkan biasanya bernilai besar dan modal yang dilaburkan oleh mangsa pula dianggap kecil berbanding dengan keuntungan yang bakal diterima.

*"Tuan sertai dan duduk goyang kaki saja. Tiap-tiap bulan, duit masuk."*

*"Paling kurang, 5% dividen tetap akan kami berikan kepada tuan, tidak kira sama ada pelaburan kita untung atau rugi."*

*"Tidak rugi pun kalau sertai. Kalau sudah sertai dan mahu berhenti, modal akan dipulangkan."*

Keuntungan ini sebenarnya adalah keuntungan yang bersifat khayalan dan janji manis sehalus tetapi tidak disedari oleh mangsa yang telah dikelabui oleh penetapan *phantom*.

## 6. Rayuan Bersifat Sentimen

Rayuan bersifat sentimen ialah kesilapan pemikiran yang berlaku apabila sentimen digunakan untuk berhujah berbanding dengan memberikan fakta.

*"Skim ini sudah banyak membantu orang."*

*"Tidak apalah kalau gelaran yang digunakan oleh dia palsu, yang penting ilmu yang dia beri."*

*"Tidak kasihankah kepada para pelabur lain kalau kita laporkan tentang skim ini kepada polis?"*

Kesilapan pemikiran ini menyebabkan mangsa teragak-agak untuk keluar daripada skim penipuan yang disertainya.

## 7. Rayuan Bersifat Autoriti

Rayuan bersifat autoriti ialah kesilapan pemikiran yang berlaku apabila autoriti digunakan untuk berhujah tanpa mempertimbangkan faktor-faktor lain.

*"Ustaz itu kata ini bukan skim penipuan."*

*"Artis pun masuk skim ini. Kalau ini skim tipu, tidak mungkin mereka mahu masuk."*

*"Doktor A kata skim ini ok. Dia pun sudah menyertai."*

Apa yang perlu diketahui, pengesahan autoriti sahaja belum memadai untuk mengesahkan sesuatu itu bukan skim penipuan. Ini kerana autoriti juga mungkin tersilap jika bidang itu bukan kepakarannya.

Banyak faktor lain yang perlu diambil kira. Untuk mengesahkan sesuatu skim itu patuh syariah misalnya, Bank Negara mensyaratkan agar sekurang-kurangnya dua orang penasihat syariah yang berlatarbelakangkan pengajian syariah atau usul al-fiqh dilantik terlebih dahulu.

Hal ini kerana bidang ini memerlukan pengetahuan khusus dan tidak memadai untuk berpada dengan kelulusan dalam bidang agama secara umum.

Skim cepat kaya memanipulasi ketamakan dan hawa nafsu manusia. Manusia yang terpedaya, akan terjerumus ke dalamnya berkali-kali.

Sumber: [www.siakapeli.my](http://www.siakapeli.my)

# Pelaburan 'Lain' Yang Perlu Anda Buat Selain Daripada Pelaburan Kewangan



**A**pabila bercakap tentang pelaburan, perkara yang bermain dalam fikiran anda ialah modal pelaburan dan keuntungan pelaburan tersebut. Semua ini melibatkan kewangan. Namun, terdapat juga beberapa bentuk pelaburan lain yang bukan berbentuk kewangan yang perlu anda berikan perhatian.

## 1. Kesihatan

Ini adalah pelaburan paling besar yang anda perlu buat. Tanpa kesihatan yang baik, sukar untuk anda membuat pelaburan yang lain. Kebanyakan orang kaya menitikberatkan kesihatan mereka kerana mereka percaya kesihatan yang baik akan membantu mereka menjadi lebih kaya.

Bagaimana mahu melabur untuk kesihatan? Terdapat tiga perkara yang anda perlu berikan perhatian, iaitu pemakanan, senaman dan perlindungan. Pemakanan yang perlu anda ambil mestilah dari sumber yang berkhasiat. Ini bagi mengelakkan anda menghidap penyakit serius pada masa akan datang.

Walaupun anda sibuk dalam urusan pekerjaan atau perniagaan, anda masih perlu mengambil makanan mengikut jadual yang disarankan. Di Malaysia, makanan seperti nasi lemak, mi goreng atau roti canai memang menjadi kegemaran orang ramai. Namun, jika diambil dengan kuantiti yang banyak serta berulang kali, makanan tersebut akan memudaratkan anda.

Jangan lupa untuk sentiasa bersenam bagi mendapatkan tubuh badan yang sihat. Jika anda tidak mempunyai masa untuk bersenam pada waktu pagi dan petang, anda mungkin boleh pergi ke *gym* pada waktu malam untuk bersenam. Cara lain paling mudah adalah dengan melibatkan diri dengan permainan seperti badminton atau futsal.

## 2. Ilmu

Jangan sesekali menganggap anda sudah mempunyai semua ilmu. Walaupun sudah berjaya, teruskan melabur

dalam ilmu. Pelaburan ilmu sama juga seperti anda pergi ke universiti untuk mendapatkan ilmu di dalam kelas.

Cara paling mudah untuk melabur dalam ilmu adalah dengan membeli buku yang bermanfaat. Buku-buku seperti pengurusan kewangan, pelaburan hartanah, perniagaan dan juga pelaburan saham boleh dijadikan sebagai pelaburan awal sebelum anda melakukan pelaburan yang sebenar. Namun, tidak semua orang sanggup melabur RM50 semata-mata untuk beli buku.

Kebanyakan orang yang berjaya mempunyai hobi yang sama, iaitu suka membaca. Selain membeli buku, anda boleh datang ke seminar yang dianjurkan. Apabila datang ke seminar, anda bukan sahaja menambah ilmu, malah mendapat kenalan baru.

Dengan ilmu, anda boleh mula merancang kewangan anda dengan baik. Anda juga boleh membezakan perbelanjaan yang menjadi keperluan dan juga kehendak.

## 3. Keluarga

Pelaburan yang paling tidak ternilai harganya ialah pelaburan keluarga. Semua orang mahu kebahagiaan dalam keluarga. Oleh itu, rancanglah sebaiknya hidup anda supaya tidak terlepas pandang pelaburan paling bernilai ini.


Jika sibuk bekerja di pejabat, ambil cuti untuk menghabiskan masa sebaiknya dengan keluarga. Mereka adalah tulang belakang yang sentiasa memberi sokongan dalam hidup kita. Kebanyakan mereka yang mahu bekerja sendiri adalah kerana mahu menghabiskan banyak masa mereka bersama keluarga.

Mungkin anda boleh merancang untuk bersara lebih awal supaya anda dapat menghabiskan masa yang berkualiti bersama keluarga anda. Untuk bersara awal atau ketika usia muda, anda perlu bekerja keras pada peringkat awal termasuk menambah pendapatan serta meningkatkan lagi pelaburan anda.

Sumber: <http://www.duitkertas.com>

# Piramid Kewangan Memudahkan Pengurusan Kewangan Anda

*“Dalam sistem piramid kewangan ini, pengurusan simpanan, aset, pelaburan dan perlindungan dibahagi sebaiknya dengan seimbang.”*



**M**asalah kewangan biasanya berpunca daripada pengurusan kewangan yang tidak teratur. Pengurusan kewangan yang tidak teratur biasanya terjadi apabila individu gagal meletakkan wang mereka di dalam pelaburan, simpanan dan perlindungan dengan seimbang.

Piramid Kewangan ini akan membantu anda menyusun kewangan anda menjadi lebih teratur serta lebih kurang berisiko untuk mengalami masalah kewangan. Dalam sistem piramid kewangan ini, pengurusan simpanan, aset, pelaburan dan perlindungan dibahagi sebaiknya dengan seimbang.

## Aset

Dalam pengurusan kewangan, perkara penting yang perlu menjadi matlamat kewangan anda adalah mengumpul aset, seperti rumah dan emas. Aset seperti ini bertujuan melindungi anda pada masa hadapan daripada masalah kejatuhan nilai wang.

Pada masa yang sama, nilai untuk aset tersebut juga semakin meningkat naik.

Dalam Piramid Kewangan, aset terletak pada kedudukan paling atas dengan kotak yang lebih kecil. Ini menunjukkan aset adalah perkara yang anda perlu ada walaupun dengan kuantiti yang sedikit. Menurut Robert Kiyosaki, rumah yang dijadikan pelaburan adalah

aset, manakala rumah untuk kediaman sendiri pula adalah satu liabiliti.

Namun, rumah tersebut tetap penting dan memberi banyak manfaat walaupun bukan untuk pelaburan. Rumah yang anda duduki itu boleh meningkat nilainya pada masa akan datang, dalam masa yang sama menjadi tempat untuk anda berteduh.

Manakala emas pula lebih mudah untuk dicairkan berbanding rumah.

## Pelaburan

Pelaburan yang terdapat di dalam Piramid Kewangan ini terbahagi kepada dua, iaitu pelaburan untuk jangka masa panjang dan untuk jangka masa pendek.

### Pelaburan jangka masa panjang

Contoh terbaik pelaburan jangka masa panjang adalah seperti pelaburan dalam unit amanah dan saham. Anda boleh memulakan pelaburan dalam instrumen kewangan ini dengan modal yang sangat rendah. Ketika usia masih muda, sebaiknya anda menggunakan wang dengan melabur dalam unit amanah untuk kegunaan pada masa akan datang.

Tempoh terbaik adalah melebihi 10 tahun atau sehingga anda berusia 55 tahun.

## Pelaburan jangka masa pendek

Pelaburan jangka masa pendek ini boleh dilakukan untuk kegunaan seperti deposit rumah, deposit kereta, perbelanjaan perkahwinan atau kegunaan perbelanjaan anak-anak. Pelaburan ini biasanya tidak melebihi dari 5 tahun. Dengan tempoh yang pendek, keuntungan yang diterima juga tidak tinggi seperti pelaburan jangka masa panjang.



## Simpanan

Setiap simpanan mestilah dibuat dengan matlamat yang jelas. Contoh matlamat simpanan adalah seperti berikut:

### Simpanan kecemasan

Simpanan kecemasan boleh dilakukan sehingga anda mempunyai simpanan enam bulan daripada gaji semasa anda. Simpanan ini akan membantu anda ketika anda dalam kecemasan, seperti kerosakan kereta, masalah kesihatan dan lain-lain lagi.

### Simpanan peribadi

Simpanan peribadi pula boleh dilakukan untuk kegunaan peribadi seperti pergi melancong, melakukan aktiviti luar, derma, beli gajet baru atau makan di tempat yang lebih mewah. Pengurusan kewangan yang baik tidak menghalang seseorang untuk menikmati kehendak individu.



## Perlindungan

Perlindungan sangat penting kepada individu dan terbahagi kepada beberapa bahagian.

### Pampasan

Tujuan pampasan diambil adalah untuk tidak membebankan waris anda. Individu yang perlu mempunyai pampasan ini adalah individu yang bekerja dan mempunyai tanggungan. Pampasan tersebut dijadikan sebagai penggantian pendapatan bagi waris atau individu di bawah tanggungan anda.

Selain itu, pampasan ini juga akan membantu menyelesaikan hutang yang tertunggak. Pampasan menjadi lebih penting apabila anda menjadi satu-satunya individu yang bekerja dan menampung perbelanjaan keluarga.

### Kad perubatan

Selain pampasan, kad perubatan juga penting bagi mengelakkan anda kehilangan simpanan anda. Jika berlaku masalah kesihatan yang melibatkan perbelanjaan serta kos yang tinggi, kad perubatan akan membantu anda tanpa menggunakan duit simpanan anda.

Masalah kesihatan atau kemalangan adalah sesuatu yang sukar untuk dijangka. Konsep perlindungan adalah membantu anda menghadapi keadaan yang diluar jangkauan anda.











Sumber: <http://www.duitkertas.com>

# Inisiatif Kewangan

## BAJET 2018

**P**erdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Najib bin Tun Razak telah membentangkan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017. Bajet 2018 ini bertemakan 'Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50'.

Pelbagai bentuk peruntukan dan inisiatif telah diberikan dalam bajet ini. Berikut disenaraikan inisiatif kewangan yang diperuntukkan daripada Bajet tersebut.

<p>Pinjaman dana Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN): <b>RM500 juta.</b></p> 	<p><b>Amanah Ikhtiar Malaysia</b> Pembiayaan Amanah Ikhtiar Malaysia: <b>RM200 juta.</b></p> 	<p><b>Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)</b> bagi usahawan bumiputera desa: <b>RM80 juta.</b></p> 	<p>Bantuan dan insentif pesawah, pekebun kecil getah dan nelayan: <b>RM2.3 bilion.</b></p> 
<p>Bantuan pesawah RM200 untuk 3 bulan sementara menunggu tuaian padi: <b>RM150 juta.</b></p> 	<p><b>Amanah Dana Anak Malaysia 2050 (ADAM50)</b> Dana Tabungan Permulaan bernilai <b>RM200</b> (unit amanah saham) PNB untuk anak dilahirkan pada 1 Januari 2018 – 2022.</p>	<p>Biasiswa untuk pendidikan tinggi: <b>RM2.2 bilion.</b> Bantuan baucar buku bernilai <b>RM250.</b></p> 	
<p><b>MyBrain</b> untuk melanjutkan pelajar di peringkat sarjana dan kedoktoran: <b>RM90 juta.</b></p> 	<p>Geran sepadan sehingga RM500 kepada pencarum <b>Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia (SSP1M): RM250 juta.</b></p>  <p>Pelepasan cukai pendapatan individu bagi SSP1M selama <b>3 tahun.</b></p> 	<p>Bayaran Insentif Khas Peneroka bernilai <b>RM5,000.</b></p> 	
<p>Bantuan makanan komuniti kepada 5,000 pelajar orang asli: <b>RM50 juta.</b></p> 	<p>Bantuan pengajian <b>RM3,000</b> kepada ibu bapa bagi perbelanjaan persediaan anak-anak ke IPTA.</p> 	<p>Pengurangan kadar cukai pendapatan individu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>o RM20,001 – RM35,000: <b>5% ke 3%</b></li> <li>o RM35,001 – RM50,000: <b>10% ke 8%</b></li> <li>o RM50,001 – RM70,000: <b>16% ke 14%</b></li> </ul> 	
<p>Meningkatkan Skim Persaraan 1Malaysia kepada <b>15% maksimum RM250 setahun untuk 5 tahun</b> dari 2018 – 2022.</p>	<p>Menaikkan elaun warga emas kepada RM350 sebulan: <b>RM603 juta.</b></p> 	<p>Menaikkan elaun OKU bekerja, tidak bekerja dan penjaga OKU sebanyak RM50 sebulan: <b>RM100 juta.</b></p> 	
<p>Bantuan Kanak-Kanak Keluarga Miskin: <b>RM245 juta.</b></p> 	<p>Menetapkan kadar pencen terendah penjawat awam sebanyak <b>RM1,000.</b></p> 	<p>Bayaran khas 'one-off' <b>RM1,500</b> kepada ketua kampung dan tok batin.</p> 	
<p>Geran komuniti Penduduk 1Malaysia (KP1M) sehingga RM10,000 kepada persatuan penduduk berdaftar: <b>RM40 juta.</b></p>	<p>Program latihan dalam komuniti di 50 kawasan PPR: <b>RM40 juta.</b></p> 	<p>Bayaran elaun imam, bilal, guru Kafa dan guru takmir: <b>RM588 juta.</b> Bayaran khas 'one-off' <b>RM1,500</b> kepada imam, bilal, guru Kafa dan guru takmir, termasuk 'tok siak': <b>RM100 juta.</b></p>	

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia





# Hari Tabungan Sedunia

**“...bertujuan untuk mendidik rakyat Malaysia tentang budaya menyimpan duit dan kepentingan mempunyai simpanan.”**

**H**ari Tabungan Sedunia mula disambut pada 31 Oktober 1924 semasa Kongres Bank Simpanan Antarabangsa kali pertama di Milano, Itali. Acara ini diadakan untuk menyemai minat menabung dalam kalangan orang ramai di seluruh dunia. Acara ini telah dijadikan sebagai acara tahunan.

Di Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah mengadakan program sambutan Hari Tabungan Sedunia, yang bertujuan untuk mendidik rakyat Malaysia tentang budaya menyimpan duit dan kepentingan mempunyai simpanan.

Terdapat beberapa kebaikan yang boleh dicapai apabila masyarakat mula faham akan kepentingan simpanan. Antaranya ialah:-

- Sebagai tabung kecemasan
- Sebagai deposit pembelian aset atau harta
- Memberi kehidupan yang lebih tenang
- Boleh digunakan untuk membantu orang lain
- Boleh digunakan untuk perlaburan
- Tabung perkahwinan
- Simpanan hari tua
- Melancong menggunakan simpanan

AKPK telah berkerjasama dengan institusi kewangan dan rakan kongsi strategik mereka mengadakan aktiviti yang dapat meningkatkan kesedaran dan menyemai pengetahuan mengenai kewangan dalam kalangan pengguna bagi memastikan masyarakat celik kewangan.

AKPK telah menerbitkan sebuah filem pendek berjudul ‘Tabung Masa Depan’, bertujuan mendidik dan menyebarkan kesedaran kepada orang ramai mengenai pentingnya individu mempunyai simpanan untuk masa depan yang lebih baik walaupun menghadapi kesulitan hidup. Filem ini memaparkan pencetus emosi untuk menarik segmen sasaran dengan cepat dan memastikan mereka terlibat sama. Ia boleh ditonton menerusi laman “Youtube”.

Selain itu, AKPK telah mencipta pelbagai kandungan untuk menggalakkan tabungan, seperti artikel, maklumat grafik dan video untuk pengguna, dan boleh dilihat menerusi laman sesawang [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my) dan laman rasmi Facebook AKPK.

*Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)*

# Pelanggaran Data Peribadi Menerusi Pembelian Dalam Talian



Sejak kebelakangan ini, terdapat ramai pengguna yang menjadi mangsa penipuan pembelian dalam talian. Aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) pada 2016 sebanyak 7,371, dengan jumlah kerugian melebihi RM5 juta.

Tidak dapat dinafikan bahawa membeli secara dalam talian sangat mudah dan menjimatkan masa kerana proses membeli hanya di hujung jari sahaja.

Penipuan pembelian dalam talian bukan sahaja melibatkan penjual yang mungkir janji, barang yang dipesan tidak diterima/rosak, tetapi apa yang merunsingkan adalah pelanggaran data pengguna.

Apabila membuat pembelian dalam talian, antara maklumat yang diminta ialah alamat rumah, nombor kad pengenalan serta nombor telefon pengguna. Apa yang sering menjadi kebimbangan ialah jika maklumat tersebut disalahgunakan untuk sesuatu tujuan tertentu. Ramai dalam kalangan pengguna menerima panggilan daripada pihak yang mereka tidak pernah membuat sebarang transaksi.

Selain itu, nombor kad pengenalan yang disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu boleh menyebabkan kerugian, bukan sahaja dari segi wang tetapi berkemungkinan digunakan untuk melakukan jenayah. Kecurian identiti semakin berleluasa dan kegiatan seperti ini juga dikenali sebagai jenayah siber.

Apa yang pengguna harus tahu adalah maklumat peribadi seseorang individu yang diproses untuk tujuan transaksi komersial dilindungi di bawah **Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)**.

Antara hak individu yang diberikan oleh Akta Perlindungan Data Peribadi ialah:


1. Hak untuk diberitahu sama ada data mereka diproses oleh sesebuah organisasi.
2. Hak untuk mengakses data peribadi.
3. Hak untuk membetulkan data peribadi.
4. Hak untuk menarik balik kebenaran memproses data peribadi.
5. Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau tekanan.
6. Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung.

Jika individu merasakan bahawa data peribadi mereka telah disalahgunakan, pengguna boleh membuat aduan dengan segera kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui talian: 03-89115000 atau e-mel: [aduan@pdp.gov.my](mailto:aduan@pdp.gov.my). Aduan juga boleh dibuat kepada NCCC melalui talian, 03-78779000 atau e-mel: [myAduan@nccc.org.my](mailto:myAduan@nccc.org.my). Kegagalan mana-mana pihak mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi merupakan satu kesalahan jenayah, dan jika disabitkan kesalahan, hukuman setimpal akan dikenakan.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

# APAKAH ITU **JENAYAH KEWANGAN** ?

## JENAYAH TERANCANG UNTUK MENDAPATKAN GANJARAN KEWANGAN MEMALUI PELBAGAI CARA PENIPUAN



Pendidikan Pengguna daripada:





**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah  
pengguna  
keuangan yang  
lebih bijak

MyBNM

BNM MyLINK

MyTabung

MyRinggit



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.



## MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.



## BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.



## MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.



## MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

**Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.**

